

Puisi-puisi Zaharah Nawawi dalam ‘Warna dan Wajah’ sebagai Alat untuk Model Pengajaran Komunikatif di dalam Kelas

Zaharah Nawawi’s Poems in ‘Warna dan Wajah’ as a Communicative Language Teaching Model in the Class

MOHD FAIZAL MUSA

ABSTRAK

Pendekatan Pengajaran Bahasa Komunikasi (CLT) yang telah digagaskan oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 menekankan komunikasi dan kebolehan menangkap serta memahami makna dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa. Pendekatan ini kemudian menjadi masyhur dan digunakan dalam pengajaran bahasa Inggeris secara meluas. Salah satu cara untuk menajamkan kemahiran komunikasi dalam pembelajaran bahasa ini adalah dengan mengajarkan puisi dalam bahasa tersebut. Pendekatan ini dapat dimanfaatkan dalam PdP bahasa Melayu. Dalam hal ini, puisi Zaharah Nawawi yang termuat dalam Kumpulan Puisi ‘Warna dan Wajah’ dicadangkan sebagai alat CLT. Hal ini kerana puisi-puisi Zaharah Nawawi tidak begitu sukar, langsung, serta menekankan tanda ikonik dan tidak terlalu bermain dengan lambang. Antara cara memanfaatkan puisi Zaharah adalah dengan mendeklamasikannya untuk mencapai tujuan perlokutionari, atau membincangkan kandungannya; selain menulis puisi lain yang terinspirasi daripada puisi-puisi sedia ada. Hal ini juga kerana penerbit Kumpulan Puisi nukilan Zaharah Nawawi ini sendiri menyedari kekuatan karyanya sebagai ‘puisi-puisi bertingkat kekomunikatifan tinggi’.

Kata kunci: Zaharah Nawawi; CLT; puisi dalam kelas; puisi komunikasi; tanda ikon; tanda simbol; estetika; perlokutionari

ABSTRACT

The Communicative Language Teaching (CLT) approach that Noam Chomsky coined in 1957 emphasizes communication and the ability to capture and understand ‘the meaning’ in language teaching and learning (PdP). This approach later became popular and was widely used in English language teaching. One of the ways to sharpen communication skills in learning this language is to teach poetry in that particular language. This approach can be used in the PdP Malay language. In this regard, Zaharah Nawawi’s poems in her collection ‘Warna dan Wajah’ is suggested as a CLT tool. It is because Zaharah Nawawi’s poems are not so tricky and direct, emphasizing iconic signs and avoiding playing too much with the symbols. One of the ways to utilize Zaharah’s poetry is to recite it to achieve perlocutionary purposes, discuss its content, or write poems inspired by the existing ones. It seems that Zaharah Nawawi’s publisher realizes the strength of her work as ‘poems that are highly communicative’.

Keywords: Zaharah Nawawi; CLT; poetry in class; communication poetry; icon sign; symbol sign; aesthetics; perlocutionary

PENDAHULUAN

Salah satu kaedah atau pendekatan pengajaran yang sering diacukan untuk pelajar atau murid dalam kelas untuk pembelajaran bahasa adalah apa yang dinamakan sebagai *Communicative Language Teaching* (CLT), yang telah digagaskan oleh Noam Chomsky pada tahun 1957. CLT kemudian dibangunkan dalam kelas di sekolah untuk

pengajaran bahasa Inggeris di United Kingdom. Pendekatan ini mulai diperkenalkan dalam tahun 1970-an untuk menghindari penekanan terhadap bentuk dan struktur dalam bahasa dan memberi tumpuan kepada makna. Tujuan akhir CLT adalah supaya pelajar dapat menggunakan bahasa dalam kehidupan. Justeru, tumpuan adalah untuk meningkatkan komunikasi pengguna bahasa itu (Richards 2006).

Jika seseorang pengguna bahasa itu ingin membeli secangkir kopi misalnya, salah betul struktur bahasa si pengguna tidak akan dipertikaikan atau terlalu dititikberatkan. Sebaliknya, pendekatan ini memerhatikan kebolegunaan atau kebolehdayaan si penutur untuk menyampaikan maksud yang ingin disampaikan, iaitu membeli secangkir kopi. Jika ditinjau kembali tujuh fungsi bahasa, seperti yang diketengahkan oleh Halliday (1975), dan melihat kembali pendekatan CLT ini, jelas sekali pendekatan ini dapat merangkum pelbagai peranan atau fungsi bahasa. Tujuh fungsi itu adalah;

1. Fungsi instrumental; menggunakan bahasa untuk mendapatkan sesuatu.
2. Fungsi regulatori; menggunakan bahasa untuk mengawal perangai atau tingkah laku seseorang.
3. Fungsi interaksi; menggunakan bahasa untuk berinteraksi dengan seseorang yang lain.
4. Fungsi peribadi; menggunakan bahasa untuk meluahkan rasa dan makna hati dan keinginan.
5. Fungsi heuristik; menggunakan bahasa untuk belajar dan mengenal sesuatu.
6. Fungsi imaginatif; menggunakan bahasa untuk mencipta dunia imaginasi.
7. Fungsi representasional; menggunakan bahasa untuk menyalurkan maklumat.

Seorang pengguna bahasa yang masuk ke sebuah kafe dan memesan secangkir kopi tentulah menggunakan bahasa dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu, yakni fungsi instrumental.

Dell Hymes (1970) membantu pendekatan CLT ini dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan ‘kecekapan berkomunikasi’ di mana aspek sosial sesebuah bahasa, dan pengetahuan sosial turut diajarkan bersama-sama pengetahuan linguistik. Di sini, makna dan konteks kenyataan ketika si pengguna itu berbahasa diberikan perhatian khusus. Dalam erti kata lain, pendekatan pengajaran bahasa sebelum ini terlalu banyak memberi penekanan kepada aspek kebahasaan, manakala makna atau pengertian telah terabai. Silabus CLT yang utuh akan membolehkan seseorang guru menjadi seperti motivator dalam proses pembelajaran seseorang pengguna bahasa, dengan tanggungjawab besar untuk belajar terletak pada murid. Dalam hal ini, guru lebih berperanan selaku pemudah cara. Silabus CLT yang terlalu banyak menekankan latihan, amalan dialog dan

pelbagai kegiatan komunikasi dianggap lemah (Mekhafi dan Ramani 2011).

Dalam hal ini seseorang pengguna bahasa akan belajar banyak mengenai bahasa apabila pelajar itu menggunakannya dalam proses pembelajaran dan pada masa yang sama ia akan berusaha memperbaiki penggunaan bahasa itu. Dengan itu, CLT adalah hijrah daripada guru-sentrik kepada murid-sentrik (Brown 2001). Meskipun CLT diketengahkan untuk mengajarkan bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, pendekatan ini telah pun diterima pakai untuk mengajar bahasa-bahasa lain dan dianggap sebagai sebuah teori yang sah dalam PdP. Di Indonesia misalnya, CLT disebut sebagai Model Pengajaran Komunikatif. CLT juga telah menerima banyak masukan dari segi psikologi, linguistik, sosiologi, pendidikan dan falsafah (Saeed Ahmad dan Congman Rao 2012), dan tidak terkecuali kesusasteraan. Hal ini juga membolehkan CLT diacukan dan diguna pakai dalam pengajaran bahasa selain bahasa Inggeris. Apabila Noam Chomsky (1957) mengetengahkan CLT, harus dinyatakan di sini bahawa beliau juga melihat kepada aspek ‘persembahan’ seseorang pengguna atau murid bahasa ketika beliau mengembangkannya pada tahun 1965, 1966, 1972 dan 1980:

“...the learner understands the language and, as a result, is able to use this language in any situation. This goal is achieved by knowing and respecting the linguistic rules of the given language. However, the term “Competence” does not include the use of the language, but only the ability to use it. The real application of the language only refers to the term “Performance”. As already said, performance therefore refers to the use of language. Chomsky especially emphasizes that performance is full of errors and therefore “fairly degenerate in quality”. Like that, regarding the basis of Linguistic Competence, you can already see the first approaches to Communicative Language Teaching. “Competence” refers to learning and understanding the grammar, which means to basically prepare for having the ability to communicate in class. If we now relate the term performance to Communicative Language Teaching, performance stands for the application of the learned grammar rules and consequently the application of the foreign language. Hence, you communicate with your classmates or teachers and exchange information in the foreign language as often as possible.” (Otten Moritz 2021).

Perenggan di atas menjelaskan yang pembelajaran bahasa turut mengambil kira aspek persembahan (dalam hal ini latihan) di mana PdP akan membenarkan bahasa selain yang diajar. Sebagai contoh, seorang guru bahasa Melayu yang mengajarkan mata pelajaran bahasa kepada

penuntut asing mungkin bercampur aduk bercakap dalam bahasa Inggeris atau Mandarin. Akan tetapi, satu lagi pengertian persembahan, dalam hal ini berinteraksi sebagai satu aktiviti sosial juga merupakan satu 'persembahan' (atau latihan berbahasa) yang boleh diambil kira. Justeru, dalam PdP sesebuah bahasa; bahasa puitis sebagai aksi komunikasi yang dapat memberikan kesan komunikatif dengan tujuan perlokutionari (*perlocutionary goal*) akan diperhitungkan dalam CLT. Pendekatan ini turut memerhatikan nada dan ritma, gerakan, malah ekspresi wajah, khusus apabila bahasa puitis diucapkan (Omnia Elkommos 2018).

Tujuan perlokutionari akan memberi reaksi dan kesan yang mendalam kepada si pendengar. Pada tahap lokutionari dan illokutionari, ucapan seseorang pengguna bahasa mungkin tidak cukup menggetar atau mendorong reaksi kepada si pendengar; akan tetapi di tahap perlokutionari, apabila puisi tersebut diucapkan dengan nada, ritma, kesan dan gaya persembahan, ia boleh memberi kesan khas yang mendalam kepada sang murid. Dalam hal inilah datangnya puisi-puisi Zaharah Nawawi, seperti yang termuat dalam Kumpulan Puisi 'Warna dan Wajah' (2003). Penerbit Haqaf Enterprise memperagakan puisi-puisi Zaharah ini sebagai 'puisi bertingkat kekomunikatifan tinggi'.

KEPENGARANGAN ZAHARAH NAWAWI

Sasterawan Negara Dr. Rahman Shaari dalam rangsang sari *Kumpulan Puisi 'Warna dan Wajah'* menyatakan bahawa Zaharah kurang diyakini sebagai seorang penyair ekoran kekuatannya dalam bidang karya prosa, meskipun beliau pernah memenangi hadiah dalam bidang puisi. Pun, dalam 'Warna dan Wajah', keseluruhan 95 buah puisi Zaharah ini dapat dikategorikan kepada tiga gaya, iaitu gaya perbandingan, gaya lirik dan gaya bercampur naratif, dan Rahman menyatakan Zaharah berpotensi besar untuk meraih perhatian pengkritik dan elitis sastera jika terus berkarya dalam genre ini. Puisi-puisi Zaharah dapat diketengahkan menurut tema sebagai puisi-puisi keagamaan, puisi-puisi seputar alam, dan puisi-puisi pemerhatian masalah sosial dan politik.

Zaharah Nawawi dilahirkan di Kampung Parit Jawa, Mukim Empat, Batu Pahat, Johor pada 5 Mei 1940. Zaharah dikatakan mulai menulis sejak berusia 12 tahun dan terus berkarya sehingga

ke akhir hayat beliau. Zaharah juga menggunakan nama-nama pena seperti Zaharah binti Haji Nawawi, I.M., Iman Murni, Pena Mutiara, Zahni Batu Pahat, Zahni Malaya dan Sutera Diwangga. Novel sulung Zaharah berjudul 'Sebelum Berakhirnya Musim Bunga' diterbitkan pada tahun 1972. Pengalaman di dalam bidang kewartawanan kemudiannya sangat membantu Zaharah untuk terus mengukuhkan tapaknya dalam bidang kesusasteraan Melayu. Sebagai wartawan, Zaharah pernah berkhidmat di Utusan Melayu dan Anggota Sidang Pengarang majalah Wanita dari tahun 1975 hingga 1976. Zaharah turut bertugas di Berita Publishing (anak syarikat Kumpulan The New Straits Times) dari tahun 1976 hingga 1985. Sebelum berhenti daripada perkhidmatannya, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Editor Umum Penerbitan Berbahasa Malaysia (Editor General Bahasa Publications) yang merangkumi semua penerbitan majalah serta buku berbahasa Melayu di Berita Publishing. Seterusnya, Zaharah berada di Pustaka Cipta Sdn. Bhd sebagai Editor Urusan dari tahun 1985 hingga 1986.

Pada tahun 1988, hasil daripada dana penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka membolehkan Zaharah membuat penyelidikan tentang Panglima Salleh Selempang Merah. Novel *Panglima Salleh Selempang Merah* mengisahkan perjuangan Panglima Salleh bersama-sama orang kampung dalam membanteras kegiatan dan kezaliman komunis Bintang Tiga dalam tahun 1945 di Batu Pahat menerima sambutan luar biasa dan masih menjadi tatapan penggemar fiksiyen sejarah sehingga hari ini. Sekitar tahun 1988, Zaharah Nawawi sempat menjadi editor majalah Timang keluaran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan berterusan hingga tahun 1995.

Pada tahun 1995, Zaharah sekali lagi memaparkan kekuatannya selaku pengarang fiksiyen sejarah dengan menampilkan novel *Anugerah* yang dianggap sebagai antara novel terpanjang di Malaysia (1351 halaman). Novel ini mengisahkan perjuangan menentang Malayan Union dan seterusnya menuntut kemerdekaan. Novel ini juga telah diadaptasi sebagai drama pentas antara 5 hingga 10 Oktober 1996. Kemasyhuran Zaharah ketika itu membolehkan beliau dianugerahi SEA Write Award yang ke-18 di Bangkok, Thailand pada 26 September 1996. Ekoran kejayaan tersebut, Zaharah ditawarkan menjadi Karyawan Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 1997 hingga 1998.

Pada tahun 1999, Zaharah Nawawi diberi pengiktirafan oleh kerajaan negeri Johor apabila menerima Hadiah Karyawan Sastera Johor, Hadiah Sastera Johor Darul Ta'zim. Beliau menulis tujuh buah novel dewasa, tiga novel kanak-kanak, empat kumpulan cerpen persendirian dan lebih daripada 25 buah antologi cerpen bersama. *Warna dan Wajah* adalah satu-satunya kumpulan puisi beliau. Karya-karya Zaharah Nawawi tidak asing di sekolah, kerana novel beliau yang bertajuk *Jalur Sinar Di Celah Daun* (1981) pernah menjadi Buku Teks Tingkatan 4 dan 5. Demikian juga novel *Panglima Salleh Selempang Merah* (1988) turut menjadi Buku Teks Tambahan Tingkatan Enam Atas.

TANDA DAN MAKNA DALAM KARYA SASTERA

Seperti yang diutarakan sebelum ini, *Communicative Language Teaching* (CLT), yang digagaskan oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 memberi penekanan kepada pencarian atau pencapaian makna ketika menggunakan bahasa. Apakah yang dimaksudkan dengan makna? Dalam hal ini, untuk memperoleh makna, seseorang pembaca karya sastera hendaklah menguasai kemahiran mencari atau mengesani tanda. Harus disebutkan di sini, pandangan bahawa estetika sesebuah karya itu hanyalah dinilai berdasarkan keindahan karya sudah dapat dianggap lapuk. Terdapat percambahan ahli teori sastera di Scandinavia, seperti Morten Nojgaard yang memberi tafsiran bahawa pengalaman estetika di dalam karya sastera itu lebih rapat dengan nilai kognitif; *'the aesthetic experience in literature is more related to cognitive values than in the other arts* (Geir Farner 2014: 75). Kognisi dalam hal ini adalah aksi mental, atau proses untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kefahaman menerusi pemikiran, pengalaman dan rasa.

Sebelum ini, tanggapan paling masyhur untuk melihat estetika adalah menerusi pengalaman seronok, atau tidak seronok (atau indah/hodoh) sesebuah hasil seni. Namun demikian, sudah ada hujah lain bahawa sesebuah hasil seni itu boleh sahaja indah, atau menyeronokkan tetapi tidak mempunyai fungsi praktikal; atau dalam konteks dan cara pandang orang Melayu 'beroleh faedah'. Sebagai contoh, sesebuah bangunan mungkin indah dan hebat reka bentuknya tetapi tidak praktikal dari segi fungsi kerana pintu masuk

atau keluarnya yang rancu, tangganya yang menyusahkan, atau tiada ciri keselamatan dan gagal mencapai maksud sebenar sesebuah bangunan itu didirikan. Berbanding sebuah bangunan yang mungkin sahaja tidak cantik dari segi gubahan tetapi sangat berfungsi, dan mencapai objektif sesebuah struktur bangunan itu dibina. Dalam hal ini fungsi estetika adalah dengan sendirinya fungsi praktikal.

Geir Farner (2014: 84) menghujahkan, motif estetik melahirkan pengalaman estetik, yang bertujuan menghantar satu atau lebih mesej. Justeru, kerja seni itu bukan sekadar pengalaman, tetapi juga tanda, dan menjadi bahagian daripada kognitif; *'it is at once an experience and a sign. In this way aesthetic motives are part of a superior cognitive perspective, where they are thematised and become part of the cognitive content.* Beliau seterusnya berhujah bahawa kognisi ialah fungsi terbesar dalam karya fiksi dan aspek estetik hanya memainkan peranan kecil, atau hampir tiada sama sekali dalam proses komunikasi pengarang dan pembaca; *'cognition is a major function in literary fiction and that aesthetic aspects play little or no role in the communication process.'*

Pengkaji falsafah estetika ini, Geir Farner (2014: 90) seterusnya memperlihatkan hubungan fungsi estetika atau proses kognisi dengan karya seni;

'... we eat for enjoyment and forget that food's original function is to keep us alive. Were it not for the bathroom scales' unpleasant reminders or the news about third-world famine, we might forget entirely that food is more than a source of enjoyment. Similarly, we forget that reading novels or going to the theatre makes us wiser, and in many ways it is much easier to overlook the cognitive process than to forget the nutritional necessities provided by food.'

Emosi yang tercetus daripada sesuatu bacaan karya sastera mendorong pemprosesan kognisi, dan hal tersebut hanya dapat dicapai dengan kemahiran menanda dan langkah-langkah pentaksirannya, iaitu mencari makna;

'... although serious literature makes us confront unpleasant issues and evokes negative feelings, this too has an entertaining effect, not by creating a feeling of pleasure but by gripping us in other important ways: politically, psychologically, morally, intellectually and so on. The emotions evoked by the reading process tend to draw attention away from the cognitive content that causes them, and one might easily think that they are the end goal of reading. In reality, they are merely a measure of the extent to which the real end goal, the cognitive content (the message), is reached

(Geir Farner 2014: 91)

Kualiti estetika rendah, diukur dengan hukum indah atau buruk; manakala kualiti kognitif diukur dengan hukum menarik atau membosankan;

'... we speak of works of the other arts as beautiful or ugly, which are aesthetic properties whereas we call literary works interesting or boring, which are cognitive qualities'

(Geir Farnier 2014: 92).

Sains kognitif menganjurkan agar minda atau akal memproses sesuatu maklumat, menyusun atau menyaring maklumat menjadi sesuatu yang bermakna untuk pembaca kelak bertindak. Janine Utell (2016: 57) yang mengkaji pelbagai hubungan naratif dengan pembaca melihat bahawa proses kognisi ini boleh dipupuk dan diajarkan;

'... cognitive science is the study of how our minds work. One of the questions it is most interested in is how our minds process information, and how they organize that information into something meaningful upon which we can act.'

Bagaimanakah tanda dikesani dalam karya sastera?

Tanda ialah seperti tips, atau isyarat yang diutus seniman dalam karya seninya. Pembaca atau penikmat hasil seni mestilah boleh atau berupaya mengecam, menafsir (dengan seboleh-boleh tepat) berdasarkan isyarat yang dicitir oleh karyawan tersebut dalam karya;

'...within the world of story we are able to interpret (often with some accuracy) the mental processes and emotional states of characters, based on the cues provided to us by the narrative itself'

(Janine Utell 2016: 69)

Dalam erti kata lain, kegagalan mencari, mengecam dan menafsirkan isyarat, tips, hantaran dalam karya seni akan menunjukkan ketidakupayaan sang pembaca untuk memproses pengetahuan yang digubah oleh karyawan:

'Cognitive theory allows us to consider those cues as narratively significant. The cues that tell us how to interpret characters, their actions and thoughts and intentions, are fundamental to how narrative works; without those cues, and without our ability to mind read, or attribute actions, expressions, and behaviours to mental activity and emotional states based on those cues, narrative would be incomprehensible'

(Janine Utell 2016: 70)

Justeru, proses pengesanan tanda dalam karya sastera merupakan satu latihan kematangan untuk

seseorang. Dalam hal ini, kemahiran berbahasa dapat disepadukan dengan kemahiran mencari tanda dan menajamkan kemahiran akal menaakul sesuatu. Bagi mencapai latihan kematangan, penandaan dan kebolehan perlokutionari yang dibincangkan sebelum ini dapat dilakukan dengan berkesan dengan menjadikan puisi sebagai satu komponen pengajaran berbahasa dengan pendekatan CLT.

MENANDA DAN MEMAKNA DALAM PUISI ZAHARAH NAWAWI

Pengesanan tanda dan penafsiran makna dalam karya sastera kini menjadi pendekatan membaca sesebuah karya. Dalam erti kata lain, sesebuah puisi tidak dikira bermutu dengan mengukur seronok atau tidaknya menerusi turun naik ritma, permainan nada dan bunyi atau penggunaan kata langka. Sebaliknya, keseronokan membaca puisi diukur dengan kebolehan pembaca mengesani tanda, dan cara kebolehan ini dapat digunakan sebagai tujuan perlokutionari dalam konteks CLT.

Puisi-puisi Zaharah Nawawi, seperti yang termuat dalam *Warna dan Wajah* menyediakan tanda dan makna yang boleh dipugar ini. Sebagai contoh puisi *Kisah Kenanga* menyajikan misteri makna ini:

Sepohon kenanga
di halaman rumah
lebat berbunga
harumnya pun ramah

sebelum bunga menguntum
daun-daun lebat beratur
di ranting dahan yang subur
kelopak berjurai seluruh dahan
suasana di imbau keharuman
bunga disunting dihidu mesra
pasrah daun sentiasa rela

peredaran masa menjanjikan
daun-daun lama bakal digugurkan
daun muda jadi pengganti

daun yang sudah lama berbakti
warna sudah bertukar jingga
untuk gugur menanti masa
masih setia menganyam jasa

daun muda tidak sabar
mengambil tempat di dahan sama
lalu menendang punggung si jingga
biar yang lama cepat jatuhnya

daun jingga yang kesakitan
duduk di kerusi membara kepanasan

menulis surat meletak jawatan
meninggalkan yang hijau berebut-rebutan

setelah daun jingga gugur
keadaan tidak teratur
yang hijau bermain kotor
pohon kenanga rebah tersungkur

- daun jingga dan hijau sama berkubur
(Zaharah Nawawi 2003: 42-44)

Dalam puisi *Daun jingga dan hijau sama berkubur*, Zaharah merakamkan persaingan dalam sesebuah organisasi yang generasi mudanya tidak sabar menggantikan yang telah sedia ada, sehingga mengakibatkan seluruh organisasi luruh dan berakhir dengan kepunahan. Perkara yang mengesankan ialah mesej atau makna pada kalimat - persoalan tidak sabar/berebut-rebutan/bermain kotor/dan/rebah tersungkur - dihantar menerusi tanda-tanda yang disembunyikan pada kisah sebuah pokok bunga, iaitu kenanga.

Dalam hal ini, permainan politik ini dapat ditafsirkan menerusi bait berikut:

daun jingga yang kesakitan
duduk di kerusi membara kepanasan
menulis surat meletak jawatan

Zaharah menggunakan daun jingga untuk memberi gambaran pemain organisasi yang sudah berusia. Beliau menukulkan daun jingga itu masih boleh berperanan;

daun yang sudah lama berbakti
warna sudah bertukar jingga
untuk gugur menanti masa
masih setia menganyam jasa

Akan tetapi, sementara ia gugur secara fitrah, daun muda, iaitu generasi baharu menggesa yang lama agar segera berlalu;

daun muda tidak sabar
mengambil tempat di dahan sama
lalu menendang punggung si jingga
biar yang lama cepat jatuhnya

Akibatnya, pohon kenanga yang asal harum dan indah akhirnya rosak dan binasa sehingga akhirnya rebah semua. Satu mesej atau utusan peringatan bahawa persaingan tidak sihat dapat membawa kehancuran kepada seluruh organisasi. Rahman Shaari (2003) dalam prakata kumpulan puisi Zaharah ini menegaskan, yang puisi ini

bermain dengan makna lain atau simbol. Rahman dalam prakata Kumpulan Puisi ini menyebutkan; “makna rangkap yang keenam ini amat akrab dengan peristiwa politik dalam negara, hingga ‘daun muda’ dapat dikatakan lambang ikonik yang berkait secara akrab dengan tokoh negara:

daun muda tidak sabar
mengambil tempat di dahan sama
lalu menendang punggung si jingga
biar yang lama cepat jatuhnya

Ternyata, Zaharah berhasrat membicarakan hal ehwal politik lewat puisi ini. Penggunaan lambang secara yang dicontohkan di atas adalah matang. Perhatikan bahawa Zaharah menggunakan citra-citra konsisten/tekal, hingga menyebabkan penghayatan pembaca tidak terganggu. Akan tetapi, tanda dan makna tidaklah semudah itu untuk diputuskan. Sesungguhnya Zaharah tidak menyentuh mana-mana organisasi politik mahu pun mana-mana tokoh dalam puisi tersebut. Bahkan, puisi ini boleh diacukan kepada pertelingkahan merebut posisi di mana-mana organisasi sekali pun dan tidak mesti dalam parti politik. Akan tetapi tafsiran Rahman yang menulis prakata ini pada tahun 2002 (dicatat pada 4 April) dengan segera dapat dihubungkan dalam konteks zaman, iaitu peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim daripada kabinet oleh bekas Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1998.

Dalam konteks CLT, pendekatan ini akan memberikan kemahiran seseorang pengguna bahasa, dalam hal ini bahasa Melayu – untuk bermain dengan pelbagai kemungkinan, baik secara berhemah mahu pun nakal, khususnya apabila menyebutkan kata ‘daun muda’ dan ‘daun jingga’. Zaharah memberikan tanda bahawa generasi berusia itu boleh dirujuk sebagai ‘daun jingga’ dan masih setia berbakti; manakala generasi muda itu sebagai ‘daun muda’ yang sentiasa bernafsu. Bagi pengguna bahasa yang sedang belajar, CLT menyediakan kesan perlokutionari yang apabila kata itu diucapkan dengan nada, ritma, kesan dan gaya persembahan tertentu boleh mengubah makna sehingga memberi kesan khas yang tertentu kepada murid. Misalnya, jika ‘daun jingga’ atau ‘daun muda’ dibacakan secara kuat dalam perhimpunan sekolah, ungkapan ini boleh memberikan kesan peringatan tentang persaingan antara guru untuk mendapatkan posisi di atas; ungkapan ini juga boleh memberi kesan sayu buat pelajar di tingkatan yang lebih matang bahawa

mereka akan digantikan oleh pelajar atau murid di tingkatan yang lebih rendah. Atau pun, jika bait puisi ini dibaca sebagai ‘daun jingga’ dan ‘daun muda’ dalam sebuah majlis perkahwinan; ungkapan tersebut mungkin sahaja menjadi satu perutusan agar sang suami jangan semberono menukar atau mengamalkan poligami dan tidak menghargai ‘daun jingga’ iaitu isteri tua, dan asyik menggantikan dengan yang muda. Isteri muda atau ‘daun muda’ boleh semacam diberi peringatan khusus dalam hal ini.

Harus diingat bahawa ‘daun muda’ sebagai satu tanda juga boleh diberi maksud yang berbeza seperti yang ditafsirkan oleh Rahman (2003) dalam sebuah puisi lain nukilan Zaharah Nawawi. Dalam puisinya ‘Gugurnya Daun-Daun Muda’, Zaharah kelihatan memang memaksudkan ‘daun muda’ sebagai ‘orang muda’ atau yang lebih pucuk berbanding orang dewasa atau tua. Hal ini dapat dibaca secara langsung begini:

Daun muda yang berusia sehari
gugur dari rantingnya
kerana dicampak ke sungai
oleh ibu yang mengandungkannya
daun muda berusia tiga bulan
gugur ke persada bumi
kerana didera/perkosa ayahnya
yang tidak beriman
daun muda berusia setahun
gugur dari kehidupannya
kerana tidak tahan menanggung siksa
diliwat bapa yang durjana
daun muda berusia empat tahun
gugur dari dahannya
setelah lama koma
kerana dicucuh api/dihempas ke simin
oleh ayah tiri
daun muda berusia tujuh tahun
gugur dari kehidupan ahli keluarga
kerana letupan mercun dalam paip besi
ciptaan sendiri
tiga hari sebelum menjelang raya
dan muda berusia empat belas tahun
gugur tanpa disedari
dibelasah rakan sekolah
yang meminta duit perlindungan diri

pelbagai cara pelbagai cerita
daun-daun muda gugur dari ranting
dahan atau perduanya
sebelum sempat matang
dan menyaksikan waktu-waktu mendatang

daun-daun muda
gugurmu terus ke dalam syurga

(Zaharah Nawawi 2003: 62-63)

Daun muda dalam bait-bait di atas secara mudah dan simplistiknya bermaksud mereka yang muda, daripada bayi sehinggalah remaja. Puisi ini memaparkan tema gejala sosial, seperti pembuangan bayi, penderaan anak, penderitaan seksual remaja, buli dan pelbagai lagi penderitaan yang dihimpun sebagai nasib buruk ‘daun muda’. Hal ini memberikan kesan kepada pembaca bahawa Zaharah mungkin tidak berniat menciptakan ‘daun muda’ untuk memaknai politikus seperti yang didakwa oleh Rahman dalam puisi sebelumnya iaitu *Kisah Kenanga*.

Penandaan dalam puisi Zaharah mungkin sahaja ditafsir secara berlebihan oleh Rahman, bahawa bait puisi tersebut mempunyai makna simbolik, sedangkan pada dasarnya puisi tersebut hanya memiliki makna ikonik. Hal ini akan dibandingkan dan dijelaskan lebih lanjut kemudian. Seperti terlihat dalam dua penandaan yang berlainan, pelajaran bahasa menjadi satu yang mengesankan untuk pengguna atau murid yang baru belajar. Justeru, penutur asing, misalnya boleh mendapat kesan seronok setiap kali puisi ini dideklamasikan atau dilafazkan dan dituturkan. Oleh sebab ada makna-makna yang pelbagai dengan tanda itu, biasanya pengguna bahasa akan menjadi lebih cekap dan cepat menangkap kata-kata lain yang hampir serupa. Oleh itu, kata ‘daun jingga’ dan ‘daun muda’ itu boleh juga digantikan dengan tanda-tanda lain. Dalam pelajaran bahasa, pengguna bukan sahaja menemui satu kata, tetapi belajar makna mendalam malah pelbagai kod-kod budaya, antropologi, sejarah, agama dan dalam konteks puisi ini kemungkinan sekali mengenai politik; meskipun Zaharah tidak pernah menyebut puisi tersebut adalah tentang perseteruan politik. Sebuah lagi puisi Zaharah yang dapat dibahaskan dalam konteks mengesan makna ialah *Manusia dan Kelapa*:

Manusia haus
ingin minum air kelapa
tidak pandai memanjat
pohon sebatang, tinggi tidak berdahan
lalu mengambil jalan mudah
mengapak perduanya sehingga rebah

kelapa menyembah bumi
buahnya yang lebat bersepah di sana sini
manusia haus cuma mengambil sebiji
memangkas pangkal buah
memuaskan dukana dengan gelabah
dan berlalu puas tanpa rasa bersalah

manusia haus
yang silap bukan kehausan tenggoroknya
yang memusnahkan
ialah kehausan sikap dan tiada rasa
tanggungjawab

kelapa warisan
lenyap dari pandangan
anak-anak zaman-berzaman

(Zaharah Nawawi 2003: 103-104)

Puisi di atas boleh ditafsirkan sebagai satu perutusan penting mengenai sikap gopoh dan gelojoh seseorang yang mengorbankan harta pusaka keturunan atau leluhurnya. Dalam hal ini 'kelapa', 'air kelapa', 'pohon kelapa', 'perdu kelapa' dan 'pohon kelapa' itu sendiri dapat ditandai sebagai sesuatu yang menjadi milik pusaka atau tradisi tertentu yang telah dikorbankan dek keserakahan atau ketergesaan. Hal ini dapat dicamkan dengan penggunaan kata 'kelapa warisan' yang 'lenyap dari pandangan' di mata 'anak-anak zaman berzaman'. Seseorang yang lebih mengkhusus akan dapat mengaitkannya dengan perebutan harta pusaka antara keturunan sebuah keluarga oleh 'haus', atau nafsu dan sikap tidak bertanggungjawab. Hal ini akan lebih bersifat tebak-an dan teka-teki yang belum tentu tepat kerana barangkali Zaharah memang tidak memaknakan sedemikian, dan hal ini boleh dianalisis menerusi kajian sastera. Boleh jadi sahaja Zaharah sebagai penyair memang ingin mengecam perbuatan sesetengah orang yang kerjanya ambil dapat, tidak memikir masa depan dan selalu cuai. Ada kemungkinan juga Zaharah tidak memberi makna warisan seperti yang ditelahi sebelumnya.

Walau bagaimanapun, dalam proses pengajaran, apabila 'kelapa warisan' diucapkan dan kata 'kelapa' juga 'warisan' digandingkan, ungkapan ini memberi maksud lain yang lebih besar, terutama apabila puisi-puisi ini dibaca atau dideklamasikan dengan nada berbeza mengikut keadaan dan waktu yang juga berbeza. Pembaca atau murid di sekolah bandar yang jarang melihat pohon kelapa dan cara pokok itu dipanjat untuk mendapatkan buah yang boleh diminum airnya akan menafsir atau memberi makna memanjat pokok itu sebagai suatu pusaka warisan. Pembaca atau murid di sekolah yang lebih berlatarkan kampung, tentu sahaja akan menerima kelapa sebagai kelapa, dan tidak lain. Mereka akan menangkap maksud yang lebih langsung, iaitu 'kehausan sikap dan tiada rasa tanggungjawab'.

Namun begitu, yang dimaknakan oleh Zaharah boleh dimengerti jika memahami perbezaan makna tanda ikon dan makna tanda simbol. Perbezaan ini difahami menerusi tanda yang ditinggalkan.

TANDA IKON DALAM PUISI ZAHARAH NAWAWI

Puisi-puisi Zaharah agak langsung, mudah dan terlalu biasa buat segelintir peminat sajak yang terbiasa dengan puisi yang lebih menyirat dan menyurat. Kekurangan ini dikesan dengan segera kerana puisi beliau agak suntuk dari segi fungsi tanda simbolik dan lebih ketara dari segi fungsi tanda ikonik. Apakah yang dimaksudkan dengan fungsi tanda ikon? Fungsi tanda ikon ialah satu tanda yang membawa kepada makna fungsional sesuatu objek:

'Suatu arca seni yang menjadi objek ciptaan manusia berkait rapat dengan budaya di mana penghasilan objek-objek tersebut adalah atas desakan budaya. Budaya kehidupan moden dipenuhi dengan perwakilan-perwakilan seperti kereta, perabot, alat-alat hiburan dan sebagainya. Fungsi perwakilan-perwakilan ini sudah semestinya ditentukan oleh budaya. Untuk mendapatkan fungsi ikonik sesuatu perwakilan, ia perlu dipisahkan daripada budaya. Ini memang sukar dilakukan kerana telah diperkatakan atas pemikiran manusia, dilakukan melalui bahasa dan bahasa adalah hasil budaya. Sebuah laci pejabat tidak seharusnya mempunyai fungsi ikonik untuk menyimpan fail-fail tetapi mestilah dilihat daripada aspek yang lebih umum bergantung kepada interaksi dengan ciri fizikalnya. Mungkin adalah lebih tepat jika kita menyatakan antara fungsi ikoniknya ialah untuk menyimpan sesuatu mungkin cawan atau makanan. Ini sememangnya sering berlaku! Begitu juga untuk sebatang pen, fungsi ikoniknya bukan untuk menulis atau melakar tetapi kerana sifat fizikalnya (contoh: matanya yang tajam) ia berfungsi untuk mencucuk, menggali dan juga mungkin untuk mencederakan. Perbuatan ini kadang-kadang dibuat oleh seseorang dalam konteks tertentu. Menulis atau melakar adalah fungsi sekunder yang telah dipelajari hasil pengaruh budaya (keupayaan seseorang menginterpretasi fungsi sesuatu objek seperti pen secara yang dikehendaki oleh budaya, iaitu untuk menulis bermaksud seseorang itu telah menggunakan 'kod' yang sesuai bagi menginterpretasi maksud pen tersebut.'

(Mohd Radzi Mustafa 2002: 30-31)

Dalam erti kata lain, tanda ikon menjelaskan fungsi sesuatu objek itu. Mohd Radzi Mustafa (2002: 84-85) dalam 'Bahasa Alam Satu Perspektif' misalnya, menyatakan contoh cara seorang anak-anak yang belum mengerti fungsi pena akan menggunakannya untuk menconteng kertas, dan dinding rumah sehinggalah pengetahuan dan kematangan tiba apabila dia semakin dewasa. Fungsi pena itu akan berubah, iaitu untuk menulis atau melukis, dan diketahui

makna utamanya. Akan tetapi, mata pena juga kadangkala digunakan orang dewasa untuk mengumpul penutup tin minuman. Hal ini tidak bermakna orang dewasa itu kehilangan makna ikon, akan tetapi makna itu kekal, dan pena kini mempunyai fungsi lain. Makna ikon ini juga dikenali sebagai makna pralinguistik. Fungsi tanda ikon ini dapat dilihat dalam banyak puisi-puisi karya Zaharah. Salah sebuah puisi yang sedemikian ialah *Kotak Hitam*:

Apabila terjadi kecelakaan udara
akan dicari kotak hitam
sebagai satu-satunya perakam peristiwa
yang dapat memecah kebuntuan
punca berlakunya kejadian

kotak hitam yang sebenarnya kuning
diserah ke tangan pakar penganalisis
untuk mencari maklumat penting
kotak hitam,
apakah rahsia yang tersimpan
sudah pernah mendedah punca
berlakunya sesuatu bencana
yang mengorbankan beratus nyawa?

sudah banyak peristiwa dahsyat berlaku
waris-warisan masih sabar menunggu
menunggu, menunggu dan menanti
hari demi hari, demi hari, demi hari

penantian seperti tidak mungkin berakhir
apakah kotak hitam yang mungkir
atau bicaramu tidak dapat dibaca
atau kau rakus menyimpan rahsia?

(Zaharah Nawawi 2003: 89-90)

Puisi di atas secara tidak langsung memberikan sebarang bayangan yang dapat memainkan sebarang sangkaan abstrak. Bait-bait puisi tersebut tidak menyediakan pembaca sebarang lambang untuk dimasuki dan ditafsir. Sebagai contoh, kata 'buku' akan 'menghubungkan pembaca dengan muka surat, kulit, tulisan, gambar, carta, editor, kertas, helaian, fiksyen, fakta, dsb'. Dalam erti kata lain, sebuah 'buku' juga membawa kepada makna simbolik, seperti ilmu-pengetahuan, kesedaran, pencerahan, keimanan, kemuliaan dan pelbagai lagi. Makna simbolik diajar oleh budaya, manakala makna ikon oleh proses kedewasaan dan kematangan. Sudah tentunya kedua-duanya berhubungan. Untuk itu, contoh yang mudah ialah tiang lampu isyarat sebagai makna ikon yang dipacakkan di simpang tertentu untuk mengawal lalu lintas dan melindungi penggunaannya. Lampu merah dan hijau yang menyala adalah makna

simbolik yang menentukan pemandu untuk terus memandu atau menghentikan kenderaan. Dalam hal ini, 'makna simbolik mengawal cara seseorang memahami sesuatu objek adalah amat kuat sekali' (Mohd Radzi Mustafa 2002: 85).

Namun demikian, seperti terlihat di atas *kotak hitam* dalam puisi Zaharah terabai dari segi makna simboliknya. Bait tersebut hanya menawarkan tanda ikon yang sudah diketahui, menjadikan puisi ini seakan kering dan tidak menggugah, atau memberikan sesuatu yang baharu. Tentu sahajalah sayang penyair tidak menggunakan kesempatan untuk memberikan lambang yang bermakna pada kata 'kotak hitam'. Puisi-puisi dengan tanda ikon ini terdapat banyak dalam Kumpulan Puisi *Warna dan Wajah*. Penerbit Kumpulan Puisi ini menyedari kekurangan karya Zaharah dari segi ini, justeru memperagakannya hanya sebagai 'puisi-puisi bertingkat kekomunikatifan tertinggi'. Oleh yang demikian, untuk berlaku adil, tanda ikon adalah mustahak, khususnya dalam konteks CLT yang mana pembelajaran bahasa dengan menggunakan puisi bertanda ikon ini akan memudahkan pengajaran dan menolong murid penutur asing untuk segera belajar dan menguasai bahasa seperti yang telah dijelaskan lebih awal.

PUISI-PUISI ZAHARAH NAWAWI DALAM KELAS

Dalam konteks CLT, penggunaan puisi dalam kelas pengajaran dan pembelajaran bahasa memberikan pelbagai dimensi (Reena Mital 2016). Puisi menawarkan dimensi intelektual, dimensi rasa, dimensi emosi dan dimensi imaginasi yang mencakup beberapa fungsi bahasa yang sudah disentuh dalam bahagian pendahuluan. Oleh itu, pelajaran bahasa bukan sahaja mengenai tatabahasa tetapi meningkat kepada pemahaman konteks budaya, sejarah, antropologi, falsafah dan pelbagai lagi. Menurut Reena Mital (2016), "*poetry is language at its most distilled and powerful: bringing poetry in language classes can make language understanding and communication skills better*", membawa maksud pembelajaran bahasa menerusi puisi membawa manfaat yang khas dan tersendiri. Pembelajaran bahasa menerusi puisi membantu murid bertutur atau mengucapkan sesuatu (iaitu bahasa) tanpa rasa teragak-agak. Puisi memiliki bunyi, ritma dan melafazkannya dengan kuat menolong pengaliran bahasa yang dikeluarkan seraya memberi keyakinan diri.

Pembelajaran bahasa dengan puisi juga membuka ruang untuk mendengar, yang merupakan tunjang asas mempelajari bahasa. Lebih daripada itu, puisi tidak terikat oleh tatabahasa dan hal ini mengatur murid untuk menguasai bahasa dengan cara yang tidak tersangkakan. Oleh sebab itu pengajaran bahasa dengan menggunakan puisi sebagai salah satu alat pembelajaran dalam konteks CLT membawa manfaat besar.

Puisi-puisi Zaharah Nawawi tidak tergolong dalam puisi yang sulit difahami. Malah puisi-puisi tersebut diperagakan sebagai tingkat kekomunikatifan tinggi. Pembelajaran bahasa menerusi puisi memberikan kesempatan untuk murid meningkatkan komunikasi, justeru puisi adalah pakej yang merangkum tradisi, budaya dan bahasa sekali gus. Dalam hal ini puisi-puisi Zaharah Nawawi boleh diketengahkan dalam kelas dengan cara mengongsikan sebuah puisi yang boleh dijadikan aktiviti pemangkin untuk murid berkongsi pengetahuan mengenai karya genre ini. Guru misalnya, boleh membahagi kumpulan di dalam kelas untuk murid berdiskusi, dan seterusnya mendorong pelajar, sama ada untuk menyanyikan puisi itu, mendeklamasikannya, atau menuturkan puisi dengan ritma. Selain itu, pelajar bahasa boleh diminta menyediakan lima ayat untuk menerangkan kandungan, tema dan idea pusat karya itu. Sebagai contoh, puisi *Mantera Wiyata* menyediakan guru dan pelajar untuk melakukan aktiviti yang dinyatakan di atas.

Kekuatan akal pada budi
 kekuatan budi pada bahasa
 kekuatan bahasa pada hati
 kekuatan hati pada jantung
 kekuatan jantung pada denyutnya
 kekuatan tangan pada jari
 kekuatan jari pada lembutnya
 kekuatan kaki pada telapak
 kekuatan mata pada kelopak
 kekuatan hidung pada ruang
 kekuatan telinga pada gegendang
 kalau berakal tanpa budi
 kalau berbudi tanpa berbahasa

kalau berbahasa tanpa hati-hati
 kalau berhati tanpa berjantung
 kalau berjantung tanpa berdenyut
 bukanlah manusia tetapi robot
 kalau bertangan tanpa jari
 kalau berjari sekeras besi
 kalau berkaki tanpa telapak
 kalau bermata tanpa kelopak
 kalau berhidung tanpa ruang
 kalau bertelinga tanpa gegendang
 bukanlah sempurna tetapi istimewa

kekuatan lelaki pada wanita
 kekuatan wanita pada anak-anak
 kekuatan anak pada ilmu
 kekuatan ilmu pada pendidikan
 kekuatan pendidikan pada guru
 kekuatan guru pada disiplin

kekuatan disiplin pada psikologi
 kalau lelaki tanpa wanita
 kalau wanita tanpa anak-anak
 kalau anak-anak tanpa ilmu
 kalau ilmu tanpa didikan
 kalau didikan tanpa berguru
 kalau guru tidak berdisiplin
 kalau mendisiplin tanpa psikologi
 ibarat kucing tiada bergigi
 tikus berani melompat tinggi.

Pengulangan ‘kalau’ dan ‘kekuatan’ misalnya, membantu pengguna bahasa Melayu yang asas untuk belajar. Terdapat banyak kata yang turut diulang yang akan memudahkan pelajaran bahasa Melayu lebih-lebih lagi untuk penutur asing;

kalau bertangan tanpa jari
 kalau berjari sekeras besi
 kalau berkaki tanpa telapak
 kalau bermata tanpa kelopak
 kalau berhidung tanpa ruang
 kalau bertelinga tanpa gegendang
 bukanlah sempurna tetapi istimewa.

Seperti dinyatakan, tujuan lokutionari akan memberi reaksi dan kesan yang menggetarkan kepada pendengar. Namun, deklamasi atau lafaz biasa perenggan di atas akan memberi kesan lain pada tahap perlokutionari, iaitu apabila lafaz disulami dengan nada, ritma, kesan dan gaya persembahan yang memberi kesan khas mendalam kepada murid untuk mengingat atau belajar bahasa. Lihat juga rangkap mudah dan langsung ini;

kekuatan lelaki pada wanita
 kekuatan wanita pada anak-anak
 kekuatan anak pada ilmu
 kekuatan ilmu pada pendidikan
 kekuatan pendidikan pada guru
 kekuatan guru pada disiplin.

Rangkap-rangkap tersebut tidak dapat dianggap puitis dalam konvensi puisi biasa tetapi menjadi komunikatif apabila diguna pakai dengan pendekatan CLT yang mementingkan makna. Pembelajaran bahasa juga menjadi menyeronokkan dengan latihan kemahiran bertutur dan pengucapan (*speaking skill and pronunciation*) yang ketika berada di dalam kelas murid boleh

diminta mendeklamasikan puisi dengan perasaan. Pengucapan berbeza memberi emosi dan rasa berbeza untuk tiap perkataan dan hal ini sangat membantu aspek pertuturan dalam bahasa, khusus jika pelajar bahasa Melayu merupakan penutur asing dari luar negara. Puisi di bawah ini *Sengaja Kulupakan Hari Bersejarah Itu*, menyediakan aspek persembahan yang menjanjikan untuk dilafaz atau dideklamasikan secara berpasangan atau berkumpulan di dalam kelas.

Ring ring ring
ada buat apa-apa jamuan?
-jamuan? aku memikir-mikir
- bukankah hari ini harijadimu?
- oh, iakah? aku lupalah...

ring ring ring
~ ya?
- kau tidak jemput aku pun!
• jemput? jemput untuk apa?
hari jadi kau hari ini bukan?
oh, iakah? aku lupalah..

ring ring ring
-hai orang di sana
- hai...
• ada rancangan apa-apa?
- tidak
- takkanlah tidak menyambut hari jadi?
- hari jadi siapa?
- kau lupakah hari ini hari apa?
aku tahu hari ini Isnin
bukankah hari ini hari jadimu?
- oh, iakah? aku lupalah..

rakan dan keluarga ketawa dan bertanya
apa yang kau ingat dalam hidup ini sayang,
sehingga hari jadi sendiri pun kau lupa?

akupun turut ketawa
banyak perkara menyelirati benakku
manusia yang kubelai seluruh jagat
kerana permusuhan, kerana bencana alam
perebutan tanah antara Palestin-Israel
yang entah bila bertemu noktah terakhir
dukana lelaki yang tidak dapat membezakan
antara isteri dan anak perempuan sendiri
banjir besar yang berlaku di serata dunia
dan pelbagai perkara yang menyesak dada

tariikh keramat hari kelahiranku yang
bersejarah itu
memang sengaja kulupakan
kerana jika sekadar mengingatnya
tanpa mengisi dengan sesuatu yang bermakna
hari berharga itu hanya menjadi metos
peringatan
yang kadang-kadang mengerikan
kadang-kadang melukakan
bukan menginsafkan..

perluakah kita beribadat sekadar takutkan hari
kematian
yang kian hampir bersama usia yang menirus
di penghujung
atau bersuka ria sementara kesempatan
masih terbuka?

kematian boleh terjadi bila-bila saja
dan di mana-mana jua
tanpa perlu menanti tua
mengapa menunggu setahun sekali untuk
diperingati?

kita sememangnya diminta
melakukan segala-galanya
hanya kerana Dia
bukan kerana kesedaran
usia sudah tiba digarisan senja.

Rangkap yang bertingkah-tingkah dan bernaratif pendek dalam puisi di atas sangat membantu kelas bahasa daripada menjadi lesu-bosan kerana terlalu menitikberatkan tatabahasa dan kering. Selain dua aktiviti di atas, guru juga boleh menyuguhkan mana-mana puisi Zaharah Nawawi dan meminta pelajar menulis sebuah puisi lain yang terinspirasi daripada puisi tersebut. Sebuah puisi yang menarik perhatian saya adalah yang berjudul '*Surat Kepada Perdana Menteri*'. Puisi ini mengenai resah seorang pengundi – atau rakyat biasa – yang ingin mengkritik pemimpin tetapi melupakan hasratnya itu kerana barangkali kurang berani, atau cepat memaafkan. Buat pelajar yang datang daripada latar belakang berbeza, 'permainan' atau latihan menggunakan puisi ini boleh membantu pelajar bahasa belajar dengan cepatnya mengungkap sesuatu. Hal ini kerana mengarang puisi komunikatif seperti yang dilakukan Zaharah ini bukanlah seperti menulis sebuah esei atau cerita pendek yang memerlukan tumpuan dan kemahiran berbahasa yang keterlaluan. Lihat puisi yang disebutkan di atas tadi, dibentangkan di sini:

Setelah dijentik dura
dia tiba-tiba menjadi ghairah
lalu bengkit menulis surat kepada Perdana
Menteri
tidak bersetuju dengan beberapa perkara
kata dan wawasan yang tidak sealiran
dengan nada dan wawasannya
hati-hati beranyam getar-geram-kecewa
dimulai dengan lafaz Bismillah
dia melakar untaian madah
surat ditulis sebanyak lima halaman
disertai permohonan maaf serta pujian
tersirat kritikan pahit-pedas-menyakitkan
dilipat kemas sebelum dimasukkan ke dalam
sampul

gumpal sakit di hati terlerai
badai resah menemui tenang
bersihnya rasa dari duri dan miang

setelah memuntah buku ketidakpuasan
dia menyandar, menghirup damai senja
wajah Perdana Menteri yang senyum bermain
di minda
diapun sendu dihimpit sebak duka
bibirnya melirik senyum
dicerna keikhlasan mencongak kuntum

sebelum menghantar surat cinta pandang
pertama
dia membuka, membaca, membuka dan
membaca
sehingga setiap bicara hafal terpacat di benak
dan semilir dinihari memampam corak

dia tersenyum semula
sambil bangun dia mengangkat surat yang
belum bertulis alamat
dengan lembut menyiat lembaran
tika sinar subuh mengerdip aman

Perdana Menteri, engkau hanya insan biasa
kesempurnaan hakiki bukan milik manusia

Seperti yang dapat dilihat, puisi ini tidaklah begitu canggih untuk ditelaah maksudnya. Pun puisi-puisi ini tetap sebuah puisi yang komunikatif, khususnya kalau dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran dengan pendekatan CLT atau *Communicative Language Teaching*. Pelajar boleh sahaja menulis sebuah puisi lain dengan judul yang sama tetapi membawa pengakhiran berbeza daripada apa yang dilakukan oleh Zaharah Nawawi.

Jika beliau menyudahkan puisi naratifnya begini;
Perdana Menteri, engkau hanya insan biasa
kesempurnaan hakiki bukan milik manusia.

Mungkin murid akan mengarangkan penghabisan dirinya sendiri sebagai Perdana Menteri satu hari kelak, atau melampiasikan kritikan yang lebih berbisa kerana seorang Perdana Menteri juga seorang penjawat awam yang dibayar dengan wang perbendaharaan negara daripada cukai rakyat jelata dan warga. Hal ini tentunya berdasarkan latar belakang setiap murid tersebut.

KESIMPULAN

Communicative Language Teaching atau CLT ialah satu pendekatan pembelajaran bahasa yang telah

diguna pakai secara meluas khusus untuk mengajarkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Pendekatan ini malah dibangunkan dalam kelas di sekolah untuk pengajaran bahasa Inggeris di United Kingdom sejak tahun 1990-an dan turut diadaptasi sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa selain bahasa Inggeris. CLT menghindari penekanan terhadap bentuk dan struktur dalam bahasa, dan memberi tumpuan kepada makna. Tujuan akhir CLT adalah supaya pelajar dapat menggunakan bahasa dalam kehidupan. Dalam erti kata lain, pelajar dilatih untuk meningkatkan komunikasi penggunaan bahasa yang sedang dipelajarinya. Salah satu cara komunikasi berkesan dalam kelas bahasa ialah dengan menggunakan puisi sebagai alat pengajaran dan pembelajaran.

Puisi dapat menyediakan tanda simbolik dan ikonik untuk dikesani. Sebelum ini, puisi dibaca berdasarkan parameter estetika yang berteraskan pengalaman seronok, atau tidak seronok (atau indah/hodoh). Akan tetapi, kini puisi sebagai hasil seni itu boleh sahaja dibaca untuk mengesani fungsi simboliknya, mahu pun fungsi praktikal, iaitu dalam erti kata lain tanda lambang atau tanda ikon (atau faedahnya). Justeru, proses kognisi menjadi penerokaan minda yang mencabar, yang proses penaakulan menuntut pembaca menggunakan akal sehatnya. Puisi-puisi Zaharah Nawawi kelihatan tandus dari segi tanda makna simbolik, akan tetapi lebih menonjol tanda ikoniknya. Puisi-puisi ini boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran CLT yang dilihat tidak terlalu sulit atau rumit untuk penutur bahasa asing. Puisi-puisi Zaharah dengan itu berkomunikasi secara ramah dan boleh membantu pelajar dengan pelbagai cara. Puisi karangan Zaharah boleh diacukan untuk tujuan lokutionari dan tahap perlokutionari, selain dijadikan aktiviti pengucapan atau latihan (persembahan) berkesan yang menjadi salah satu objektif CLT. Selain itu puisi Zaharah Nawawi boleh dijadikan pemangkin atau inspirasi untuk kegiatan mengarang pelajar dengan menggunakan bahasa Melayu.

Oleh itu, puisi-puisi beliau sangat komunikatif dan sesuai untuk diperkenalkan kepada murid di dalam kelas bahasa Melayu. Hal ini cocok dengan tawaran yang diketengahkan oleh Zaharah Nawawi dalam Kumpulan Puisi *Warna dan Wajah* yang diperagakan sebagai 'puisi-puisi bertingkat kekomunikatifan tinggi'.

RUJUKAN

- Brown, H.D. 2001. *Teaching by Principles: An Interactive Approach to Language Pedagogy*. New York: Pearson Education.
- Chomsky, N. 1957. *Syntactic Structures*. The Hague: Mouton and Company.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of the Theory of Syntax*. Cambridge, Massachusetts: Massachusetts Institute of Technology Press.
- Chomsky, N. 1966. *Topics in the Theory of Generative Grammar*. The Hague: Mouton and Company.
- Chomsky, N. 1972. *Language and Mind. Enlarged Edition*. Cambridge, Massachusetts: Massachusetts Institute of Technology Press.
- Chomsky, N. 1980. *Rules and Representations*. New York: Columbia University Press.
- Elkonnos, O. 2018. Reading and teaching poetry as communicative discourse: A pragma-linguistic approach. *International Scholarly and Scientific Research and Innovation* 12(8): 1000-1005.
- Farner, G. 2014. *Literary Fiction: The Ways We Read Narrative Literature*. London: Bloomsbury.
- Halliday, M.A.K. 1975. *Learning How to Mean*. London: Edward Arnold.
- Hymes, D. 1971. *Competence and Performance in Linguistic Theory*. London Academic Press.
- Mekhafi, A. dan P.N. Ramani. 2011. Expectation versus reality: Communicative approach to EFL learning. *Studies in Learning, Evaluation and Development* 8(1): 98-113.
- Mital, R. 2016. Poetry is language at its most distilled and powerful: Bringing poetry in language classes can make language understanding and communication skills better. *Linguistics and Literature Studies* 4(1): 52-56.
- Mohd Radzi Mustafa. 2002. *Bahasa Alam Satu Perspektif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Moritz, O. 2021. *Communicative Language Teaching (CLT)*. Munich. GRIN Verlag, <https://www.grin.com/document/1130628>
- Rahman Shaari. 2003. *Prakata*. Dlm Zaharah Nawawi. *Warna dan Wajah*. Ipoh: Haqaf Enterprise
- Richards, J.C. 2006. *Communicative Language Teaching Today*. New York: Cambridge University Press.
- Saeed, A. & Congman, R. 2012. Does it Work? Implementing Communicative Language Teaching Approach in EFL Context. *Journal of Education and Practice* 3(12): 28-35.
- Utell, J. 2016. *Engagements with Narrative*. New York: Routledge.
- Zaharah Nawawi. 2003. *Warna dan Wajah*. Ipoh: Haqaf Enterprise.

Mohd Faizal Musa, Ph.D
Felo penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi, Selangor.